



27 April 2012
27 April 2012
P.U. (A) 113

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA
(PENJALANAN PILIHAN RAYA) (PINDAAN) (NO.2) 2012

*ELECTIONS (CONDUCT OF ELECTIONS) (AMENDMENT)
(NO.2) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PILIHAN RAYA 1958

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENJALANAN PILIHAN RAYA) (PINDAAN) (NO.2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*], Suruhanjaya Pilihan Raya, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) (No.2) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 30 April 2012.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 [*P.U. (A) 386/1981*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan memasukkan selepas takrif “pegawai pengurus” takrif yang berikut:

‘ “pengundi awal” ertinya mana-mana orang yang dikehendaki mengundi awal di bawah peraturan 27A;

“pengundi tidak hadir” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 [*P.U. (A) 293/2002*];

“pengundian awal”, berhubung dengan sesuatu pilihan raya, ertinya suatu pengundian yang akan dijalankan pada suatu tarikh dan masa yang lebih awal daripada hari mengundi;’.

Pindaan peraturan 3**3. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—**

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “tujuh” dengan perkataan “sebelas”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Bagi maksud pengundian awal, tarikh atau tarikh-tarikh yang pengundian awal akan dijalankan sekiranya pilihan raya itu dipertandingkan (yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini sebagai “hari mengundi awal”) hendaklah ditetapkan tidak kurang daripada tujuh hari selepas hari penamaan dan tidak kurang daripada tiga hari dari tarikh atau tarikh-tarikh hari mengundi yang disebut dalam subperaturan (1) dan tarikh atau tarikh-tarikh pengundian awal itu hendaklah dinyatakan dalam notis yang disebut dalam subperaturan (1).”;

(c) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “dan suatu hari mengundi yang baru” dengan perkataan “, suatu hari mengundi awal yang baru dan hari mengundi yang baru, mengikut mana-mana yang berkenaan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subperaturan 5 subperaturan yang berikut:

“(6) Bagi maksud subperaturan (5), “tarikh baru bagi pengundian” ertinya hari mengundi awal yang baru atau hari mengundi yang baru, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Pindaan peraturan 4

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (3), dengan memotong perkataan “Kertas penamaan itu hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan.”;
- (b) dengan menggantikan subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(4) Pencadang dan penyokong mana-mana calon hendaklah merupakan pemilih berdaftar bagi bahagian pilihan raya yang baginya calon itu hendak dipilih.”;
- (c) dalam subperaturan (6B), dengan menggantikan perkataan “mengikut perenggan (4)(c)” dengan perkataan “dalam kertas penamaan”; dan
- (d) dalam subperaturan (8), dengan memotong perkataan “, setiap set hendaklah terdiri daripada tiga salinan Borang 4 atau 4A dan satu salinan Borang 5 atau 5A, mengikut kehendak keadaan,”.

Pindaan peraturan 5

5. Subperaturan 5(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

- “(b) seseorang calon menarik balik pencalonannya sebelum pukul sepuluh pagi pada hari penamaan selepas suatu deposit dibayar di bawah subperaturan (1); atau”.

Pindaan peraturan 6

6. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Tiga salinan tiap-tiap kertas” dengan perkataan “Kertas”;
- (b) dalam subperaturan (3), dengan memotong perkataan “sebelum pukul sepuluh pagi”; dan
- (c) dengan memotong subperaturan (4) dan (5).

Pindaan peraturan 6A

7. Subperaturan 6A(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “dan satu orang lain, jika ada, yang dilantik oleh setiap calon,”.

Pindaan peraturan 7

8. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“ Penolakan kertas penamaan ”;

- (b) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Pegawai pengurus hendaklah menolak kertas penamaan oleh mana-mana calon bagi mana-mana bahagian pilihan raya atas semua atau mana-mana daripada alasan yang berikut:

- (a) bahawa kertas penamaan itu tidak mematuhi atau telah tidak diserahkan mengikut Peraturan-Peraturan ini;